



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## **TEKS UCAPAN**

**YBRS. PUAN FATIMAH ZURAI DAH BINTI SALLEH  
TIMBALAN KETUA PENGARAH (OPERASI)  
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT**

**PROGRAM  
PERHIMPUNAN BULANAN JKM  
BIL.1/2021**

**28 MEI 2021**

**10.00 PAGI**

**SECARA MAYA MELALUI APLIKASI ZOOM**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam  
Malaysia Prihatin

Terima kasih saudara pengacara majlis,

## **SALUTASI**

YBrs. Puan Rosmahwati binti Ishak,  
Timbalan Ketua Pengarah (Strategik)

Puan Hezleen binti Hassan,  
Pengarah Bahagian Kawalan Standard selaku Pengerusi  
Jawatankuasa Penganjur Perhimpunan kali ini,

Encik Mohamad Hashim bin Selamat,  
Pengarah Bahagian Perintah Khidmat Masyarakat selaku  
Pengerusi Bersama Jawatankuasa Penganjuran  
Perhimpunan,

Pengarah-Pengarah Bahagian,

Pengarah-Pengarah Negeri,

Semua Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah dan Ketua  
Institusi

Semua warga Ibu Pejabat JKM, dan

Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan, para hadirin yang  
saya hormati sekalian.

# I. PENDAHULUAN

Sidang hadirin yang dikasihi,

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya dapat kita semua hadir secara maya di **Perhimpunan Bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat Bilangan 1 Tahun 2021 Jabatan Kebajikan Masyarakat.**

2. Pada kesempatan ini saya mengucapkan **syabas dan tahniah kepada pihak penganjur iaitu Bahagian Kawalan Standard dan Bahagian Perintah Khidmat Masyarakat** yang menjadi urus setia bersama dalam penganjuran Perhimpunan Bulanan JKM kali ini. Walaupun terdapat cabaran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) serta kesibukan tugas, Alhamdulillah perhimpunan kali ini dapat juga dilaksanakan secara maya.

3. **Terima kasih kepada Timbalan Ketua Pengarah (Strategik), Pengarah-Pengarah Bahagian, Pengarah-Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri, Pegawai-Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah, Ketua-Ketua Institusi serta semua warga JKM yang dapat hadir pada hari ini.**



4. Memandangkan kita baru sahaja meraikan Perayaan Aidilfitri, masih tidak terlewat untuk saya mengucapkan **Selamat Hari Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir & Batin** kepada semua warga JKM.

## II. SELAYANG PANDANG

Sidang hadirin yang dikasihi,

5. Perhimpunan bulanan JKM kali ini sangat bermakna kepada kita semua kerana dalam tempoh hampir lima bulan dari bulan Januari hingga Mei 2021, walaupun dalam cabaran pandemik COVID-19, pelbagai program, inovasi dan kejayaan telah dicapai oleh JKM dalam

menyampaikan perkhidmatan kepada kumpulan sasar.

Antaranya adalah:

- i. Transformasi bantuan kebajikan melibatkan peruntukan sebanyak 2.2 bilion ringgit dan memberi manfaat kepada lebih daripada 400 ribu penerima. Sebanyak lima (5) skim bantuan kewangan persekutuan telah dinaikkan;
- ii. Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI), bernilai RM100 setiap satu dengan peruntukan sebanyak RM50 juta bagi membantu mereka yang terkesan dengan PKP 2.0;

- iii. Majlis Apresiasi Kerja Sosial Sempena Sambutan Hari Kerja Sosial Sedunia Tahun 2021 pada 16 Mac 2021;
- iv. Pelancaran Cashless Payment pada 9 April 2021 di Putra Regency Hotel, Perlis;
- v. Majlis Apresiasi Bersama YAB Perdana Menteri Sempena Sambutan Ulang Tahun ke-75 JKM pada 11 April 2021;
- vi. Bicara Eksklusif Bersama YB Menteri KPWKM pada 12 April 2021;

- vii. Pelancaran Pelan Strategik JKM 2021-2025 Pada 12 April 2021;
- viii. Program Turun Padang dan Hebahan Program Vaksinasi Covid-19 di Pusat Jagaan Warga Emas Berdaftar di bawah JKM yang bermula 19 April 2021;
- ix. Pelaksanaan 1,492 Program Kembara Prihatin Negara di seluruh Malaysia yang melibatkan 197,521 klien, 196 NGO, 67 syarikat korporat dan 2,938 sukarelawan; dan
- x. program-program lain yang telah dilaksanakan oleh JKM.

6. Sehubungan dengan itu, **saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Timbalan Ketua Pengarah (Strategik), Pengarah-pengarah Bahagian, Pengarah-pengarah Negeri, Pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah, Ketua-ketua Institusi dan seluruh warga JKM** yang telah memberikan komitmen yang padu dalam membantu dan menyokong terhadap pelaksanaan program Jabatan. Sesungguhnya segala kerjasama dan komitmen yang tuan/puan telah berikan, hanya Allah jua yang dapat membalasnya.

### **III. PEKA TERHADAP PERUBAHAN GAYA HIDUP PEGAWAI DAN MELAKSANAKAN PUSINGAN KERJA (JOB ROTATION)**

Sidang hadirin yang dikasihi,

7. Perkara pertama saya ingin tarik perhatian semua adalah berkaitan dengan integriti. Semua Ketua Jabatan hendaklah sentiasa peka terhadap perubahan gaya hidup mewah pegawai masing-masing kerana dikhuatiri ianya

berpunca daripada amalan rasuah. Dalam hal ini, sikap “tidak mahu jaga tepi kain orang” hendaklah dihindarkan. Ketua Jabatan juga diingatkan untuk tidak menyembunyikan perkara seumpama ini atas dasar untuk menjaga imej jabatan/Ketua Jabatan.

i. Semua sumber pendapatan perlulah diisytiharkan; dan



ii. Pusingan kerja hendaklah dilaksanakan terhadap jawatan-jawatan kritikal / sensitif setiap tiga (3) tahun walau sebagus mana pun pegawai tersebut di sesuatu bidang / tugas. Janganlah kerana sayangkan pegawai yang pakar dalam sesuatu bidang (Subject Matter Expert - SME) hingga menyebabkan pusingan kerja tidak dilaksanakan.

8. Untuk makluman semua, pada 6 April 2021 satu kenyataan media telah dikeluarkan oleh YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara mengenai keperluan pelaksanaan pusingan kerja dalaman bagi pegawai di jawatan-jawatan sensitif yang cenderung kepada isu berkaitan salah laku.

9. Sehubungan itu, selaras dengan arahan tersebut, JPA telah mengedarkan surat bertarikh 9 April 2021 agar pusingan kerja dalaman hendaklah dilaksanakan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan pegawai yang layak dibuat pusingan kerja bagi pegawai Gred 54 dan ke bawah mulai tarikh surat tersebut dikeluarkan.

10. Oleh yang demikian, YBrs. Dr./tuan/puan hendaklah mengambil tindakan untuk melaksanakan pusingan kerja selaras dengan Perenggan 5(i) dan (ii) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2004 mengenai Panduan Pertukaran Pegawai Awam iaitu: –

*“Ketua Jabatan boleh menggunakan dasar pertukaran dengan menukarkan pegawai yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya:*

- i. 3 tahun tetapi tidak melebihi 5 tahun di suatu jawatan yang diklasifikasikan sebagai jawatan sensitif; dan*
- ii. 3 tahun tetapi tidak melebihi 8 tahun di suatu jawatan yang diklasifikasikan sebagai jawatan bukan sensitif”.*

## **IV. TANGGUNGJAWAB MELAPORKAN RASUAH**

Sidang hadirin yang dikasihi,

11. Penjawat awam hendaklah berani melaporkan rasuah, salah guna kuasa atau jenayah yang berlaku tidak kira siapa dan kedudukan mereka dalam perkhidmatan awam. Undang-undang sedia ada mencukupi untuk melindungi mereka yang melaporan rasuah / salah laku dengan suci hati. Sikap “tidak mahu menjaga tepi kain orang” atau “tidak mahu menabur pasir dalam periuk nasi orang” seperti ini perlu dikikis;

12. Sekiranya masih tidak mempunyai kekuatan untuk melaporkan jenayah rasuah yang diketahui berlaku, penjawat awam sekurang-kurangnya perlulah berani melaporkan cubaan atau sebarang tawaran pemberian rasuah oleh pihak luar kepada dirinya. Kegagalan melapor tersebut adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 25 Akta SPRM (ASPRM) 2009; dan

13. Kempen Perangi Pemberi Rasuah dalam perkhidmatan awam juga perlu diperhebatkan oleh semua anggota perkhidmatan awam, khususnya di agensi penguat kuasa, perkhidmatan kaunter dan agensi yang banyak berurusan dengan orang ramai.



## **V. MEMELIHARA DIRI DAN INTEGRITI SEBAGAI PENJAWAT AWAM**

Sidang hadirin yang dikasihi,

14. Pelaksanaan Bekerja Dari Rumah (BDR) berikutan pandemik Covid-19 di jabatan masing-masing mestilah dilaksanakan mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2020 yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2021;

15. Semua Ketua Jabatan perlu mengingatkan pegawai / kakitangan di jabatan masing-masing untuk memelihara diri dan juga integriti sebagai penjawat awam di mana sahaja berada terutama semasa BDR; dan
16. Jika terdapat keperluan untuk meninggalkan kediaman dalam waktu BDR, pegawai perlulah mendapatkan kebenaran Ketua Jabatan. Ini juga penting untuk melindungi pegawai sekiranya berlaku apa-apa yang tidak diingini.

## **VI. PEMAKLUMAN STATUS PENARAFAN RISIKO TAHUN** **2020**

Sidang hadirin yang dikasihi,

17. Melalui surat bertarikh 10 Februari 2021, SPRM memaklumkan telah melaksanakan penarafan risiko pada tahun 2020 dan dapatan menunjukkan JKM berada dalam kategori risiko tinggi;

18. Sehubungan itu, JKM dinasihatkan untuk memastikan penubuhan dan pelaksanaan Unit Integriti adalah selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 dan Garis Panduan Pengurusan Unit Integriti Agensi Awam. Perkara ini telah dilaksanakan oleh Bahagian Pengurusan termasuklah mengambil kira model perjawatan yang ditetapkan oleh SPRM. JKM telah mengemukakan perkara ini kepada pihak kementerian untuk tindakan selanjutnya.

19. Selain itu, Jabatan ini telah mengedarkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) JKM pada 21 Mei 2021.
  
20. Untuk makluman jua, OACP JKM dibangunkan selaras dengan keputusan Mantan Ketua Setiausaha KPWKM iaitu YBhg. Dato' Dr. Junaidah Kamaruddin dalam Mesyuarat JAR peringkat kementerian pada 8 Oktober 2020 yang lepas.

21. Sehubungan itu, YBrs. Dr., tuan dan puan hendaklah merujuk pelan tersebut untuk diambil tindakan yang sewajarnya.
22. Bagi memastikan pelan tersebut dijayakan, laporan status tindakan akan diedarkan kepada semua Pengarah Bahagian dan Pengarah Negeri.

## **VII. ISU GANGGUAN SEKSUAL DI TEMPAT KERJA**

Sidang hadirin yang dikasihi,

23. Perkara yang tidak kurang pentingnya untuk kita beri perhatian adalah berkaitan gangguan seksual di tempat kerja. Sepertimana kita sedia maklum isu gangguan seksual ini bukan perkara asing di mana-mana agensi jabatan kerajaan. Sehubungan itu, semua Ketua Jabatan hendaklah mematuhi Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2018 iaitu Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja.

24. Untuk makluman, YBrs. Dr. Ketua Setiausaha KPWKM dalam pandangannya mengenai kes gangguan seksual yang berlaku di JKM baru-baru ini telah memutuskan agar:
- i. Ketua Jabatan perlu mengambil tindakan yang lebih proaktif sekiranya terdapat pegawai yang sering dirujuk untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang timbul. Kemungkinan ada masalah yang tersirat yang tidak mampu diluahkan oleh pegawai yang terlibat;



- ii. Tidak menempatkan pegawai yang disyaki terlibat dengan isu salah laku seksual ke Institusi JKM; dan
  
- iii. Perneriksaan Perkhidmatan Kaunseling di mana jawatan kaunselor telah diwujudkan. Dalam hubungan ini kaunselor bertindak sebagai pemudah cara dalam menangani isu-isu yang dihadapi oleh kakitangan yang bermasalah sebelum tindakan tatatertib diambil ke atas pegawai.

## **VIII. PENGOPERASIAN PEJABAT KERAJAAN DALAM FASA PKP-3 DIPERKETAT**

Sidang hadirin yang dikasihi,

25. Sebagaimana yang kita sedia maklum, kemunculan varian-varian VOC baru mutakhir ini adalah amat membimbangkan. Ini kerana kebanyakan pesakit yang dijangkiti tidak menunjukkan gejala seperti batuk atau demam akan tetapi hanya sakit sendi, berasa lemah badan, kelesuan dan hilang selera makan.

26. Varian-varian VOC baru ini juga merebak dengan lebih cepat dan dikaitkan dengan kadar kematian yang lebih tinggi. Ada sebahagian daripada pesakit ini tidak menunjukkan gejala-gejala awal COVID-19 yang biasa seperti kehilangan deria bau atau deria rasa. Namun, varian baru ini cepat merebak terus ke paru-paru. Sebilangan besar dari pesakit-pesakit juga tidak menunjukkan gejala demam walaupun terdapat tanda-tanda radang paru-paru dikesan melalui imbasan X-ray.

27. Ujian saringan COVID-19 yang dijalankan sering menunjukkan keputusan yang negatif, namun begitu terdapat pesakit yang sudah berada di tahap yang teruk.

28. Oleh yang demikian, elakkan daripada pergi ke tempat-tempat yang sesak dan ruang yang sempit, sentiasa menjaga penjarakan fizikal, memakai pelitup muka, dan kerap mencuci tangan dengan sabun atau sanitizer. Gelombang kali ini adalah lebih bahaya daripada gelombang yang sebelumnya. Oleh itu, kita mesti sentiasa berhati-hati. Jangan Kita lalai dan kita mesti sentiasa berwaspada. Duduk di rumah sekiranya tiada urusan penting.

29. Sehubungan dengan itu juga, sebagaimana pengumuman Yang Berhormat Menteri Kanan Pertahanan, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 dengan beberapa sekatan yang lebih ketat berdasarkan kepada situasi semasa pandemik COVID-19 di Malaysia berkuatkuasa 25 Mei 2021.

30. Oleh yang demikian, pengoperasian bagi Pejabat Kerajaan khususnya JKM, dilaksanakan secara hibrid melalui keberadaan di pejabat dan Bekerja Dari Rumah (BDR) menggunakan pendekatan berikut:
- i. Kehadiran ke pejabat pada tahap 20% keseluruhan (tidak termasuk perkhidmatan frontliners) dan 80% secara BDR dengan penggiliran;

- ii. Kehadiran ke pejabat hanya bagi proses kerja yang tidak boleh dilaksanakan secara BDR dan memerlukan keberadaan di pejabat;
- iii. Mesyuarat dan perbincangan dilaksanakan secara dalam talian melalui medium yang selamat dan terjamin kerahsiaan; dan
- iv. Perkhidmatan kaunter hanya dibuka kepada perkhidmatan yang tidak ditawarkan secara atas talian dan melalui temujanji sahaja sebagaimana surat yang telah diedarkan pada 24 Mei 2021.



31. Sehubungan dengan itu, semua Ketua Pejabat hendaklah melaksanakan arahan ini dengan merancang kehadiran kakitangan yang diperlukan di pejabat dan BDR.

32. Pelaksanaan BDR adalah berdasarkan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2020 – Dasar Bekerja Dari Rumah, yang jelas memperincikan aspek-aspek yang perlu dipatuhi termasuk tidak boleh melaksanakan urusan peribadi dalam waktu bekerja. Sebarang pelanggaran salah laku dalam pematuhan kepada BDR akan dikenakan tindakan tatatertib di bawah P.U.(A) 395 – Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

33. Sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan akan terus dilaksanakan seperti biasa untuk memastikan perkhidmatan kepada rakyat dapat diberi dengan cepat dan tepat. Pematuhan kepada prosedur operasi standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara dari semasa ke semasa perlu dipatuhi bagi memastikan keluk jangkitan COVID-19 dapat dilandaikan.

## **IX. HARAPAN**

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

34. Tahun ini JKM telah melangkah ke usia 75 tahun dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat. Sungguhpun telah jauh perjalanannya, banyak pencapaian-pencapaian serta kejayaan yang telah dicapai, namun kita generasi waktu ini tidak boleh berpuas hati dengan perkhidmatan yang telah disampaikan kepada golongan sasaran yang

memerlukan. Ini adalah kerana isu, masalah dan cabaran yang dihadapi oleh kumpulan sasar dalam **situasi pandemik COVID-19 dan Era Industrial Revolution 4.0 (IR4.0)** adalah semakin kompleks dan rumit.

35. Dalam memastikan JKM sentiasa relevan, Inovasi Sosial perlu dilaksanakan dari semasa ke semasa yang sesuai dengan peredaran zaman dan tuntutan semasa, supaya dapat memenuhi matlamat **inisiatif MyDigital dan Society 5.0** iaitu kemajuan teknologi yang dapat meningkatkan kesejahteraan sosial masyarakat.

## **X. PENUTUP**

Sidang hadirin yang dikasihi sekalian,

36. Doa dan harapan saya agar tahun 2021 dan tahun yang mendatang ini akan terus memberi rangsangan kepada kita untuk terus mengorak langkah ke hadapan dengan lebih yakin dan bermakna seiring dengan agenda **Kerajaan Prihatin**. Saya juga berharap agar JKM akan lebih proaktif dalam memperkasakan kumpulan sasaran biarpun terdapat pelbagai cabaran yang perlu dilalui.

37. Semoga setiap apa yang dilakukan akan sentiasa mendapat keberkatan daripada Allah Subhanahuwataala. Saya percaya JKM akan terus relevan dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat selagi kita dapat bersatu hati dan menyesuaikan diri dengan perubahan dan keperluan zaman.



38. Sekali lagi, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak urus setia dalam memastikan kelangsungan Perhimpunan Bulanan JKM dan Majlis pada hari ini.
39. Sekian, Wabillahitaufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.